

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membina satu perhentian bas ekspres di Yong Peng supaya penumpang yang naik/turun di Yong Peng tidak perlu membayar tambang untuk ke KL Larkin, Johor.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke Yong Peng, penumpang boleh menaiki bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Batu Pahat dan seterusnya meneruskan perjalanan dengan menaiki bas henti-henti atau kereta sewa ke Yong Peng. Ini kerana jarak dari Batu Pahat ke Yong Peng adalah sekitar 28 kilometer. Pada masa ini, terdapat 40 buah syarikat bas ekspres yang memberikan perkhidmatan di Terminal Bas Ekspres Batu Pahat.

2. Terdapat bas ekspres menurunkan penumpang di sekitar lebuh raya atas permintaan penumpang kerana bas ekspres ke Johor Bahru dan ke Kuala Lumpur melalui lebuh raya berhampiran bandar Yong Peng. Namun, tindakan ini adalah salah disisi undang-undang kerana bas ekspres tidak dibenarkan menurun dan mengambil penumpang di tempat selain daripada terminal yang dibenarkan. Dalam hal ini, pihak pengusaha bas boleh memohon untuk menurunkan penumpang di Yong Peng dengan memohon ubahsyarat laluan kepada SPAD untuk dipertimbangkan.

3. Pada masa ini, terminal bas di bandar Yong Peng dikhaskan untuk perkhidmatan bas berhenti-henti dan kereta sewa sahaja. Untuk makluman, penyediaan infrastruktur terminal adalah dibawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT). Bagi bandar Yong Peng, PBT bertanggungjawab adalah Majlis Daerah Yong Peng.

Sekian, terima kasih.